

Agro

Pakej agro UPM

➔ Lapan lokasi menarik dibangunkan menjadikannya universiti pertama di Malaysia yang menawarkan pakej pelancongan semula jadi di sekitar kampus
»4&5



Keistimewaan OgyBerry

Berberis mampu cegah kanser hati

»2



'Langkah kanan' Arsenia

Eksport 10 tan mi kering ke Filipina

»6

OgyBerry cegah kanser hati

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan minuman jus kesihatan OgyBerry menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) lebih 10 tahun terhadap buah berberis yang berpotensi mencegah kanser hati.

Produk inovasi itu dibangunkan Ketua Jabatan Anatomi Manusia, Prof Dr Fauziah Othman bersama beberapa rakan penyelidik lain termasuk pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Minuman itu mempunyai pelbagai kebaikan termasuk tinggi antioksidan, kaya vitamin C, baik untuk hati, menguatkan sistem imun badan dan menurunkan berat badan.

Dr Fauziah teruja mengetahui manfaat buah itu kerana ia banyak di tanam di sekitar tanah tinggi di Tehran, Iran.

Malah, kebaikan buah itu terkandung dalam buku tulisan ilmuwan Islam, Ibnu Sina bertajuk 'the canon of medicine'.

Produk itu meraih pelbagai anugerah termasuk pingat emas dalam BioMalaysia 2013 dan Anugerah UPM.

"Dalam buku Ibnu Sina itu, buah berberis baik untuk pelbagai jenis penyakit dan ia merangsang saya melakukan penyelidikan untuk kanser."

"Penyelidikan saya mendapati berberis baik untuk kanser hati," katanya ditemui selepas majlis pelancaran minuman jus kesihatan OgyBerry sempena Ekspo Pertanian UPM di Bukit Ekspo, Taman Pertanian Universiti, baru-baru ini.

Ekspo bertemakan 'Pertanian Bandaran Memupuk Kesejahteraan Rakyat' sempena Konvokesyen UPM itu memberi peluang penyelidik UPM mengemukakan pelbagai produk inovasi kepada orang ramai.

"Dalam penyelidikan, kami mengambil tisu kanser hati, dan masukkan kepada tikus dan satu lagi kami beri karsinogen dengan beri."

"Karsinogen ini penyebab kanser. Tikus yang diberikan karsinogen dan beri tidak mendapat kanser hati manakala yang diberikan karsinogen mendapat kanser hati," katanya.

Pada peringkat pertama kajian katanya, beri menghindar pembentukan

Kajian 10 tahun penyelidik UPM mendapati berberis tinggi antioksidan baik untuk hati dan kuatkan sistem imun badan



DR Fauziah (dua dari kanan) berkongsi kejayaannya dalam menghasilkan jus OgyBerry.



BERBERIS kering.



BUAH berberis.

kanser hati dalam tikus.

"Sekarang ini kita di peringkat empat kanser hati dan diberikan pada tikus dengan konsultasi yang betul."

"Hasilnya ia dapat menyembuhkan kanser," katanya.

Bagaimanapun katanya, penyelidikan berkenaan pada peringkat kajian tikus saja, selain belum ada sebarang ujian klinikal dilakukan terhadap manusia.

"Dari situ kita tahu kelebihan beri pada kesihatan sangat baik. Jadi apa yang kami lakukan untuk mengeluarkan makanan yang boleh digunakan kepada komuniti, selain menjadikan warga lebih sihat."

"Minuman ini memang baik untuk kesihatan," katanya produk itu dalam proses mendapatkan amalan pengilangan terbaik (GMP).

Katanya, selepas mendapat GMP, barulah kajian dilakukan kepada manusia.

"Untuk kajian tikus, saya buat kajian lebih 10 tahun dan berharap dapat menyempurnakan kajian terhadap manusia dalam tempoh lima tahun lagi," katanya.

Menyentuh mengenai

penyakit kanser hati katanya, bilangan penghidapnya di negara ini tinggi.

"Ia juga tinggi di kalangan penduduk di Asia Tenggara, tetapi rendah di Timur Tengah."

"Kajian juga mendapati ia dapat menurunkan kolesterol dan berat badan tikus," katanya.

Beliau berkata kelebihan sebagai antikoagulan (anti pembekuan darah) menyebabkan minuman itu berpotensi untuk disediakan kepada syarikat penerbangan.

"Jus ini mencairkan darah kerana ia menurunkan kolesterol. Kita panggil ia sebagai trombosis (pembentukan bekuan darah) terutama jika menaiki kapal terbang," katanya.

Dalam jangka panjang katanya, UPM akan menghasilkan produk lain termasuk dalam bentuk pil dan makanan.

Katanya, pihaknya perlu mengimport terus beri dari Tehran, bagi mendapatkan bahan mentah menghasilkan minuman itu.

"Perancangan masa depan, jika ada individu mampu menghasilkannya pada skala ladang, kami bersedia membeli," katanya.



DR Fauziah bersama produk inovasinya.